

**HUBUNGAN MINAT MEMPELAJARI KOMSAS DENGAN
BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MURID-
MURID TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BELUD**

JANTI BINTI MASTOR

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@**

JUDUL : HUBUNGAN MINAT MEMPELAJARI KOMSAS DENGAN BUDAYA MEMBACA
DALAM KALANGAN MURID-MURID TINGKATAN EMPAT SEKOLAH
MENENGAH DAERAH KOTA BELUD

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : SESI 2004/2008

Saya JANTI BINTI MASTOR, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(Penulis : JANTI BINTI MASTOR)

()

Alamat Tetap :

(DR. HJ.MOHD. YUSOF ABDULLAH)


Tarikh : 11 Jun 2008

Tarikh :

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsfah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



JANTI BINTI MASTOR

PS04-006(K)-080

15 MEI 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : JANTI BINTI MASTOR

NO. MATRIKS : PS04-006(K)-080


**TAJUK : HUBUNGAN MINAT MEMPELAJARI KOMSAS DENGAN
BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MURID-MURID
TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH DAERAH
KOTA BELUD.**

IJAZAH : SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 11 JUN 2008

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**
DR. HJ. MOHD YUSOF ABDULLAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, saya dapat menyiapkan desertasi ini bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Usaha untuk menghasilkan desertasi ini tidak mungkin tercapai tanpa sumbangan beberapa pihak. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Hj. Mohd. Yusof Abdullah yang sentiasa meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan sepanjang desertasi ini disiapkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan, semua pensyarah, semua kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial serta kakitangan Pusat Pengajian Pasca Siswazah yang banyak membantu sepanjang saya mengikuti kursus di sekolah ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada semua pihak yang memberi dorongan dan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan terutama kepada En. Lamsir Asib, serta rakan-rakan yang namanya tidak dapat saya sebut satu persatu. Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu saya, Pn. Katha Binti Santis dan adik-adik yang sentiasa memberikan sokongan moral sepanjang saya mengikuti kursus peringkat sarjana ini.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada pengetua, guru-guru dan murid-murid dari semua sekolah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan minat mempelajari KOMSAS dengan budaya membaca murid-murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud. Seramai 200 responden yang terdiri daripada murid-murid tingkatan empat dari lima buah sekolah menengah di daerah Kota Belud yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang telah disediakan dalam tiga bahagian iaitu bahagian A. Mengenai profil responden. B. Mengenai minat mempelajari KOMSAS dan C. Mengenai budaya membaca. Sebanyak 15 soalan telah disediakan untuk setiap bahagian B dan C. Soal selidik tersebut diukur melalui Skala Likert. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS secara statistik deskriptif, ujian-t, dan korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat mempelajari KOMSAS dari aspek jantina, aliran dan kaum. Demikian juga hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan budaya membaca pelajar dari aspek jantina, aliran dan kaum. Dari segi korelasi, dapatan yang diperoleh menolak hipotesis nol yang dijangka kerana kedua-dua pemboleh ubah mempunyai hubungan signifikan pada aras yang sederhana kuat iaitu $r=3.75$. Oleh yang demikian, minat terhadap mata pelajaran KOMSAS berjaya memupuk budaya membaca dalam kalangan murid-murid Tingkatan Empat sekolah menengah di daerah Kota Belud.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE RELATION BETWEEN THE INTEREST IN LEARNING KOMSAS AND READING CULTURE AMONG FORM FOUR SECONDARY SCHOOL STUDENT IN KOTA BELUD DISTRICT

This study is mainly carried out with aims to reveal the relation between the interest in learning KOMSAS (Literature Component) and reading culture among Form Four student in Kota Belud district. A number of 200 students form four from five secondary school in the district werw involved in this study. The research instrument in a form of survey study has been prepared in three parts; Part A – Respondants' Profile, Part B – Interest in Learning KOMSAS and Part C – Reading Culture. For the survey, 15 questions have been constructed for each part. The finding of the survey are measured using Likert Scale. The data produced are analysed using SPSS as descriptive statistics, t-test and Pearson's Correlation. The study result shows that there is no significant difference in the interest of learning KOMSAS compared to the aspects of gender, class stream and race. The similar result also obtained as comparison for reading culture among the students. As for the correlation, the result reject the expected null hypothesis because both variables have moderate significant level at $r=3.75$. Therefore, the interest in KOMSAS has succeeded in cultivating reading culture among the form four secondary school students in Kota Belud.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRAK	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SINGKATAN	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Soalan Kajian	8
1.7	Hipotesis Kajian	8
1.8	Definisi Operasional	8
1.9	Kepentingan Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	10
1.11	Kesimpulan	10

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	11
2.2	Definisi Konsep	11
2.3	Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Kontekstual	14
2.4	Model Pengajaran Berteraskan Tujuan	15
2.5	Kajian-kajian Lepas	15

2.6	Kerangka Kajian	20
2.7	Kesimpulan	20
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	22
3.2	Reka bentuk Kajian	22
3.3	Populasi dan Presedur Persampelan	23
3.4	Instrumen Kajian	24
3.5	Kajian Rintis	24
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	25
3.7	Prosedur Kajian	25
3.8	Pentadbiran Kajian	25
3.9	Penganalisaan Data	26
3.10	Kesimpulan	27
BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	28
4.2	Analisis Statistik Deskriptif	28
4.3	Pengujian Hipotesis	62
4.4	Dapatan Kajian	72
4.5	Rumusan	73
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan Kajian	74
5.3	Rumusan Dapatan Hubungan Minat Mempelajari KOMSAS Dengan Budaya Membaca Murid-murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Daerah Kota Belud	76
5.4	Implikasi Dapatan Kajian Dan Perbincangan	77
5.5	Cadangan	79
5.6	Penutup	80

LAMPIRAN A: Borang Soal Selidik

LAMPIRAN B: Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Maktab Perguruan, Universiti, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Daftar Isi

Daftar Isi

Daftar Isi

Daftar Isi



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka Surat
Jadual 2.1	Pengagihan Novel Mengikut Zon	15
Jadual 2.2	Antologi Untuk Semua Negeri	16
Jadual 2.3	Pembahagian Masa Mengikut Genre	17
Jadual 3.1	Julat Korelasi'r' Pearson	33



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Muka Surat
Rajah 2.6	Kerangka Kajian: Hubngan Minat Mempelajari KOMSAS Dengan Budaya Membaca	26
Rajah 3.1	Pembahagian Murid Mengikut Responden	29



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

B	Bumiputera
BB	Bukan Bumiputera
KOMSAS	Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu
KS	Sastera Ikhtisas
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
Sig	Signifikan
ST	Sains Tulen
PMR	Penilaian Menengah Rendah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

KOMSAS ialah istilah bagi Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran wajib dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pelaksanaannya dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia kini sudah menjangkau lapan tahun. Pengajaran dan pembelajaran yang memasukkan komponen sastera (KOMSAS) dalam bahasa ini bermula pada Mac 2000 untuk tingkatan satu dan tingkatan empat. Kemudian diikuti oleh tingkatan dua dan tingkatan lima pada tahun 2001 dan tingkatan tiga pada tahun 2002. Sesungguhnya, pengajaran dan pembelajaran bahasa yang memasukkan unsur sastera telah dilaksanakan sejak dahulu lagi, tetapi memasukkannya secara serius dan penggunaan teks wajib berjaya dimulakan pada tahun 2000. Sebelum ini, teks sastera digunakan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang diduduki oleh murid aliran tersebut dalam peperiksaan. Mempelajari KOMSAS akan memberi peluang kepada murid-murid untuk membaca sekurang-kurangnya satu teks novel dan satu teks antologi bagi setiap tingkatan. Oleh yang demikian, diharapkan minat mempelajari KOMSAS dalam kalangan murid ini secara tidak langsung dapat memupuk dan mewujudkan budaya membaca dalam diri mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mulai Mac tahun 2000, semua murid sekolah menengah wajib mempelajari KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Murid-murid dalam aliran sains juga turut mempelajari KOMSAS. Hal ini bermakna tiada pengecualian kepada semua murid dari tingkatan 1 hingga ke tingkatan 5. Pelaksanaan ini bertepatan dengan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/1999 pada 3 Februari 1999. Keputusan mesyuarat tersebut seperti yang dipetik oleh Kamaruzaman Abdullah (2000) Y.B. Menteri Pendidikan telah meminta dibuat persediaan untuk memasukkan pengajaran unsur kesusasteraan Melayu sebagai satu komponen wajib dalam pengajaran Bahasa Melayu. Pelajar-pelajar akan diuji di peringkat PMR dan SPM.

Pelaksanaan KOMSAS meliputi murid-murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Hal ini bermakna, bilangan murid yang mempelajari Kesusasteraan Melayu semakin ramai walaupun pada peringkat pengenalan asas sastera. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menambah waktu pengajaran KOMSAS bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia kepada dua waktu seminggu. Enam waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, dua waktu daripadanya diwajibkan mengajar KOMSAS atau mengikut rumus "2 + 4".

Pelajaran Bahasa Malaysia sebagai asas penting Dasar Pendidikan Kebangsaan dan memenuhi Falsafah Pendidikan Negara. Mulai tahun 1999, Kementerian Pelajaran melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah mengeluarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (Edisi Penyesuaian) yang memasukkan kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Menurut Dr. Sharifah Maimunah Syed Zain (2001), Komponen Kesusasteraan Melayu dalam pengajaran Bahasa Malaysia sekolah menengah bertujuan memperkenalkan kepada murid-murid tentang enam genre sastera yang meliputi genre novel, cerpen, drama, puisi dan prosa tradisional serta puisi moden (sajak).

Hal ini bermakna murid berpeluang membaca sekurang-kurangnya sebuah teks novel dan sebuah teks antologi bagi setiap tingkatan. Pembacaan ini secara tidak langsung dapat memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid. Hal ini bertepatan dengan harapan pihak Kementerian Pendidikan mewajibkan penggunaan karya sastera sebagai komponen dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia iaitu dapat menambah minat murid untuk membaca karya sastera, menikmati dan mengapresiasi karya sastera, mengetahui ilmu sastera secara ringkas, mengenali penulis dan sejarah perkembangan sastera, serta mengukuhkan kemahiran berbahasa murid dari segi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. "...Di samping itu, komponen Kesusasteraan Melayu diharapkan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera." (Huraian Sukatan Pelajaran KBSM, Bahasa Melayu Tingkatan 4. hal. Vi. KPM. 2000)

Selain itu, Menurut Samsubahar Bin Othman (2001) tujuan penggunaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Memupuk dan mempertingkatkan minat membaca karya sastera dalam kalangan murid-murid;
- ii. Memperkukuh kemahiran berbahasa sebagai tambahan daripada kemahiran berbahasa yang diperoleh seseorang daripada mata pelajaran Bahasa Malaysia;
- iii. Membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan generasi kini khususnya murid-murid melalui penerapan nilai-nilai murni dan unsur-unsur kemanusiaan yang lebih berkesan dengan mencontohi pengajaran yang boleh diperoleh daripada karya;
- iv. Dapat merangsang daya fikir murid-murid ke arah lebih kreatif dan kritis dengan menilai, mengulas, dan mengkritik karya sastera secara menyeluruh dan lebih berkesan;
- v. Memperluas pengetahuan murid secara menyeluruh tentang sesuatu yang baru yang dapat diperolehi melalui pembacaan karya sastera yang dipilih;
- vi. Memberikan pengetahuan perkembangan sastera tanah air dan mengenali tokoh-tokoh sastera melalui hasil penulisan mereka;
- vii. Membolehkan murid-murid menghayati dan menghargai hasil karya tokoh-tokoh sastera melalui hasil penulisan mereka; dan
- viii. Melatih murid-murid untuk menjadi penulis yang kreatif dan kritis melalui pendedahan unsur sastera yang bermula di peringkat tingkatan satu lagi.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menggariskan objektif pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Objektifnya adalah seperti yang berikut:

- i. Meningkatkan dan mengukuhkan minat membaca pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden dan puisi tradisional ;

- ii. Mengenal dan menggunakan istilah sastra iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar, plot, sudut pandangan, nilai murni dan pengajaran ;
- iii. Mengenal, menghayati, dan menghargai karya sastra bagi mengukuhkan kemahiran bertutur, membaca, dan menulis ;
- iv. Mengenal pengarang berdasarkan karya yang telah diperakui seperti pengarang sasterawan negara ;
- v. Mendapat nilai murni dan pengajaran daripada karya sastra yang dibaca; dan
- vi. Menghasilkan karya sastra yang kreatif seperti dapat melahirkan novel, cerpen, dan drama yang bermutu tinggi yang boleh dibanggakan.

Lim Swee Tin (2000) telah menggariskan sebanyak tujuh objektif pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Tujuh objektif tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. meningkatkan dan mengukuhkan ketrampilan berbahasa;
- ii. memupuk budaya membaca;
- iii. menghayati karya sastra;
- iv. menerapkan nilai dan pengajaran;
- v. menghasilkan karya sastra;
- vi. mengenal tokoh dan sejarah perkembangan sastra; dan
- vii. menghayati bahasa dalam karya dan menggunakannya dalam penulisan.

Secara umumnya, matlamat pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dapat disimpulkan seperti berikut:

- i. Bahan-bahan yang berunsurkan kesusasteraan dapat menambah daya kesedaran murid-murid kerana bahan-bahan kesusasteraan itu mempunyai nilai keindahan terutama daripada segi perkataan, bunyi bahasa dan teknik pengolahan;

- ii. Bahasa adalah media kepada bahan kesusasteraan. Murid-murid diperkenalkan dengan keindahan dan keistimewaan bahasa dalam sesuatu hasil kesusasteraan itu, misalnya daripada segi struktur ayat, ragam ayat dan intonasi di dalam ayat;
- iii. Salah satu daripada cara belajar ialah sambil berhibur. Bahan kesusasteraan dapat menyampaikan ilmu pengetahuan di samping menghiburkan perasaan;
- iv. Minat membaca perlu disemai sejak kecil lagi. Pendedahan bahan yang berunsurkan kesusasteraan kepada murid-murid di peringkat awal akan dapat menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat ;
- v. Hasil penulisan sastera itu banyak mencerminkan dan merakamkan peristiwa dan perlakuan manusia. Pengolahan bahan kesusasteraan secara deduktif dapat mengubah sikap murid-murid terutamanya sejak masih kecil lagi ; dan
- vi Melalui pengajaran dan pembelajaran, bahan yang berunsur kesusasteraan ini dapat membantu murid-murid mengenali sistem sosial dan sosiobudaya di sekeliling mereka.

Walau bagaimanapun, Selepas lapan tahun pelaksanaan KOMSAS, pengkaji tidak nampak terbentuknya budaya membaca dalam kalangan murid-murid sekolah menengah di sekitar daerah Kota Belud. Daripada pemerhatian secara rambang pengkaji, tidak ramai murid sekolah menengah di daerah Kota Belud yang membaca semasa menunggu kenderaan untuk pergi ke sekolah mahupun pulang dari sekolah. Malahan kebanyakan mereka lebih suka bermain atau bercerita dengan kawan-kawan.

Tinjauan rambang pengkaji di beberapa buah pusat sumber sekolah menengah di daerah Kota Belud, juga mendapati murid-murid yang datang ke pusat sumber bukan secara sukarela, sebaliknya atas arahan guru. Ketika waktu rehat, hanya beberapa orang murid sahaja berada di situ. Tinjauan rambang juga telah dibuat di perpustakaan negeri cawangan Kota Belud. Didapati tidak ramai murid sekolah menengah datang ke perpustakaan untuk meminjam buku, membaca dan

membuat rujukan. Apa yang menyedihkan, mereka datang ke perpustakaan untuk bercerita dan mengatur temujanji dengan rakan-rakan.

Gambaran ini menarik perhatian pengkaji kerana seolah-olah pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia tidak dapat menarik minat murid-murid untuk mempelajari KOMSAS dan seterusnya tidak dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan bertaraf dunia mempunyai wawasan ke arah melahirkan generasi yang mengamalkan budaya fikir yang kritis, kreatif dan inovatif. Masyarakat yang berbudaya fikir dapat bersaing di peringkat antarabangsa serta menjana idea ke arah pembangunan tamadun ilmu, masyarakat, budaya, bangsa dan negara. Salah satu jalan ke arah itu ialah dengan memperkenalkan KOMSAS dengan harapan terbentuknya budaya membaca dalam kalangan murid-murid.

Membaca merupakan satu kegiatan yang penting di dalam kehidupan manusia terutama di zaman perledakan ilmu pengetahuan ini. Seseorang murid sentiasa berhadapan dengan pelbagai jenis bahan bacaan. Dalam kehidupan seharian, setiap murid perlu membaca iaitu sama ada membaca buku, akhbar ataupun majalah. Pembacaan ini dilakukan sama ada sebagai hiburan atau untuk mengisi masa lapang. Untuk menghadapi cabaran seumpama ini, seseorang murid mestilah boleh membaca dengan berkesan. Mengikut Safiah Osman (1990), seseorang yang cekap dan mahir membaca dapat meluaskan pandangan, pengalaman serta pemikiran.

Sekiranya keseronokan dan minat membaca dapat dipertahankan di peringkat sekolah menengah maka akan terjadi satu hubungan yang kekal antara pembacaan dan keseronokan membaca. Menimba ilmu daripada buku, menikmati kedamaian, dan keseronokan daripada pembacaan merupakan faedah yang nyata daripada daya usaha guru menggalakkan tabiat membaca dalam kalangan murid-muridnya. Guru-guru sentiasa berusaha menggalakkan murid-muridnya mengamalkan budaya membaca kerana menyedari peri pentingnya tabiat membaca dalam menentukan pencapaian akademik mereka.

Sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan menyebabkan ramai murid yang terpaksa menumpukan perhatian sepenuhnya pada buku teks sehingga menganggap adalah membuang masa membaca buku-buku lain selain buku teks.

Sesungguhnya masalah kurangnya minat membaca dalam kalangan murid pada hari ini menuntut perhatian semua pihak termasuk ibu bapa, guru, dan pihak Kementerian Pendidikan yang menggubal dasar pendidikan. Semua pihak haruslah memikirkan langkah-langkah untuk membudayakan amalan membaca agar berakar umbi dalam masyarakat. Apabila ini dapat dilakukan maka akan lahir masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan luas.

Oleh itu, kajian ini cuba mengupas dan menganalisis adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan KOMSAS dengan pemupukan budaya membaca? Apakah KOMSAS dapat menambah minat murid belajar bahasa Malaysia? Apakah murid-murid membaca bahan sastera kerana terpaksa? Apakah minat membaca murid-murid terbentuk ekoran pelaksanaan KOMSAS ?

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dapat menarik minat murid-murid membaca. Lebih daripada itu KOMSAS juga cuba dinilai pelaksanaannya dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan murid-murid. Pada masa yang sama kajian ini juga cuba melihat apakah ada hubungan minat mempelajari KOMSAS dengan budaya membaca dalam kalangan murid-murid?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- 1.5.1 Mengenal pasti minat murid-murid terhadap Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.
- 1.5.2 Mengenal pasti budaya membaca dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud.

- 1.5.3 Mengenal pasti hubungan minat mempelajari KOMSAS dengan budaya membaca murid-murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud.

1.6 Soalan Kajian

Pengkaji mengemukakan beberapa persoalan kajian. Persoalan itu seperti berikut:

- 1.6.1 Adakah murid-murid mempunyai minat mempelajari KOMSAS?
- 1.6.2 Adakah wujud budaya membaca dalam kalangan murid-murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud?
- 1.6.3 Adakah terdapat hubungan antara minat mempelajari KOMSAS dengan budaya membaca dalam kalangan murid-murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis utama kajian ini adalah seperti berikut:

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat mempelajari KOMSAS dari aspek jantina, aliran dan kaum.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan budaya membaca dari aspek jantina, aliran dan kaum.
- H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat mempelajari KOMSAS dengan budaya membaca dalam kalangan murid-murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Minat Mempelajari KOMSAS

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) minat bermaksud keinginan atau kecenderungan kepada sesuatu. Mempelajari pula bermaksud belajar untuk mengetahui sesuatu dengan mendalam. Manakala KOMSAS pula adalah singkatan bagi Komponen Kesusasteraan Melayu yang digunakan secara wajib dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Jika digabungkan, minat mempelajari KOMSAS bermaksud keinginan belajar untuk mengetahui Komponen Kesusasteraan Melayu dengan lebih mendalam.

1.8.2 Budaya Membaca

Budaya membaca memberi erti suatu keadaan di mana wujudnya satu masyarakat yang mencapai satu tahap amalan membaca yang meluas (Ahmad Othman,1990). Ciri-ciri budaya membaca dalam masyarakat ialah wujudnya individu-individu yang menyedari tentang keadaan di sekeliling dan yang mempengaruhinya, individu yang mendapat kepuasan dengan menimba ilmu pengetahuan, mendapat maklumat, penghayatan dan penghargaan daripada pembaca.

Mengikut Yahya Othman (2004) membaca adalah asas membentuk diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Melalui aktiviti membaca, seseorang itu dapat menjadikan dirinya sebagai sumber rujukan sama ada kepada dirinya sendiri atau pun kepada orang lain.

1.8.4 Tingkatan 4

Tingkatan 4 merupakan tahap pertama peringkat menengah atas sebelum menduduki SPM. Tingkatan ini tidak terlibat dengan peperiksaan besar. Sebelum ini murid-murid tingkatan 4 telah mempelajari KOMSAS di tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3. Hal ini bermakna murid-murid tingkatan 4 sudah mempelajari KOMSAS selama empat tahun.

1.9 Kepentingan Kajian

Tidak dapat dinafikan, membaca sangat penting untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Oleh itu perlu ada tindakan yang jitu, teliti, bersepadu dan komprehensif agar budaya membaca dapat ditanam dalam diri murid-murid sejak peringkat awal lagi. Jika membaca dijadikan budaya, ia bukan sahaja menambahkan pengetahuan malah akan membantu mengurangkan pembabitan murid-murid dalam unsur-unsur yang tidak sihat.

Memandangkan pentingnya tugas yang harus dimainkan oleh pihak sekolah, maka penyelidik merasakan perlu untuk mengkaji sejauh mana minat membaca dalam kalangan murid-murid hari ini. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran kepada guru-guru dan pihak Kementerian Pendidikan tentang kadar pembacaan dalam kalangan murid-murid dan langkah yang patut diambil untuk

menggalakkan pembacaan di samping menyediakan lebih banyak kemudahan bahan bacaan.

Kajian pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di tingkatan empat dijalankan bagi mengenal pasti sejauhmana KOMSAS dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan murid-murid. Hasil kajian ini akan :

- i Dapat digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu bagi merangka strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai.
- ii Dijadikan sumber maklumat kepada pihak sekolah untuk merangka program memupuk budaya membaca dalam kalangan murid-murid.
- iii Kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit sebanyak gambaran terhadap keberkesanan pelaksanaan KOMSAS dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas dalam kalangan murid-murid tingkatan empat di Sekolah Menengah Daerah Kota Belud, Sabah. Kajian ini juga terbatas kepada adakah minat mempelajari KOMSAS dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan mereka?

1.11 Kesimpulan

Dalam usaha memupuk budaya membaca dalam kalangan murid-murid kini, pelbagai aspek perlulah diambil kira dan penggembelngan tenaga serta usaha semua pihak adalah perlu. Hal ini kerana murid-murid hari ini merupakan tonggak pemimpin pelapis negara pada masa hadapan. Hal ini bertepatan dengan matlamat negara melahirkan modal insan kelas dunia pertama yang mempunyai ilmu pengetahuan luas.

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini meninjau dan mengemukakan beberapa hasil kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahan kesusasteraan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Selain itu kajian-kajian berkaitan budaya membaca juga diutarakan. Kajian-kajian ini dilakukan oleh tokoh-tokoh dari dalam negara dan luar negara. Kajian-kajian terdahulu penting sebagai asas untuk melihat perhubungan di antara minat mempelajari KOMSAS dengan budaya membaca dalam kalangan murid-murid tingkatan empat sekolah menengah daerah Kota Belud.

2.2 Definisi Konsep

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang melangkah ke arah status negara maju perlu mewujudkan masyarakat yang berilmu, saintifik dan progresif. Bagi mencapai hasrat ini, kita perlu membentuk warganegara kritis, kreatif dan berketrampilan. Pelaksanaan KOMSAS dapat membantu ke arah ini. KOMSAS diperkenalkan kerana KPM menyedari kurangnya minat membaca dalam kalangan masyarakat terutama dalam kalangan murid-murid. Menurut Marohaini Yusoff (2001) pembacaan bahan sastera dapat memberikan pelajar latihan dari segi kemahiran pemahaman dan memperkukuhkan perbendaharaan kata dan kebolehan mereka untuk berfikir secara kritis. Melalui pelaksanaan KOMSAS semua pelajar perlu membaca karya sastera yang diperakukan tanpa mengira aliran pelajar. Justeru, pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mengharapakan terbentuknya budaya membaca dalam kalangan pelajar.

KPM telah menetapkan buku teks sastera yang wajib sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Karya-karya tersebut mesti digunakan oleh guru mengikut masa yang diperuntukkan. KPM telah membuat pengagihan novel mengikut empat zon. Setiap zon akan menggunakan judul novel yang berlainan dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Pembahagian ini dapat dilihat dengan jelas seperti dalam Jadual 2.1 berikut;